

Sektor swasta perlu balas sokongan kerajaan: PM

BH - 26/2/2019 m/s: 2

➔ Syarikat peroleh keuntungan kena cari jalan menyumbang kepada negara

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@nstp.com.my

► **Klang**

Sektor swasta perlu membalas semula sokongan dan dorongan daripada kerajaan dengan tidak hanya beroperasi untuk memperoleh keuntungan semata-mata sebaliknya mencari jalan untuk menyumbang kepada negara ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan percaya perkembangan dan kejayaan berterusan industri dan syarikat di Malaysia juga disumbangkan oleh suasana kondusif untuk pertumbuhan dan pengembangan yang ditawarkan negara ini.

“Amat menyeronokkan untuk melihat perkembangan dan kejayaan berterusan industri dan syarikat di Malaysia. Walaupun ia mencerminkan kecekapan dan kebolehan syarikat ini dan kejayaan pasukan

pengurusannya, kami juga percaya bahawa pencapaian sedemikian boleh dicapai kerana Malaysia menyediakan suasana kondusif untuk pertumbuhan dan pengembangan.

“Pun begitu, ia tidak bermakna kita mahu mengambil kredit daripada syarikat ini kerana kami tidak sangsi dengan berapa banyak usaha yang dicurahkan untuk mencapai tahap ini.

Hubungan baik dengan sektor swasta

“Apa yang ingin saya katakan ialah kerajaan percaya dengan hubungan baik dan mesra dengan sektor swasta. Kita pernah meletakkannya bawah tanda Malaysia Diperbadankan (Malaysia Incorporated) iaitu kerajaan menggalakkan pembangunan dan kejayaan sektor swasta, dengan menyedari bahawa kami memperoleh sebahagian daripada keuntungan melalui percukaian,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan loji pembuatan batang tembaga (copper rod) milik Metrod Holdings Berhad di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengasas Metrod, Apurv Bagri; Pengerusi Metrod Holdings Berhad, Datuk Abu Hassan Kendut dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Metrod Holdings Berhad, Rajan Mittal.

Dr Mahathir berkata, bagi ke-

rajaan, semakin besar keuntungan diperoleh oleh sektor swasta, lebih besar cukai yang dipungut.

sumbangan ekonomi negara

Beliau berkata, selain keuntungan, sesebuah perusahaan swasta yang berkembang dengan baik dan berjaya akan memberi sumbangan kepada ekosistem ekonomi negara, dari segi peluang pekerjaan, latihan, pembangunan pekerja, gaji, perumahan, tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta manfaat lain kepada pekerja dan masyarakat.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, beliau masih berpegang kepada nilai sektor pembuatan kepada ekonomi negara selain kepentingannya dalam meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup rakyat Malaysia sepanjang tahun 1980-an sehingga 1990-an.

Beliau berkata, sektor itu juga menyumbang kepada menjadikan Malaysia sebagai pemain dalam rangkaian nilai global dan mengubah negara ini menjadi sebuah negara industri.

Justeru, katanya, untuk mengembangkan ekonomi negara ini, sektor pembuatan perlu kekal sebagai tulang belakangnya walaupun dengan sokongan sektor lain seperti komoditi dan perkhidmatan.

“Dalam beberapa dekad ini, sektor pembuatan menyaksikan perubahan yang pesat. Da-

ripada pembuatan secara besar-besaran melalui tenaga kerja di bahagian penghasilan kepada penggunaan robotik bagi meningkatkan kecekapan, kepada penggunaan automasi, digitalisasi dan kecerdasan buatan (artificial intelligence).

“Daripada apa yang saya dimaklumkan, Metrod Holdings Berhad mengikuti semua ini dan tahniah kerana menggunakan Industri 4.0,” katanya.

Sementara itu, pada sidang media selepas perasmian, Dr Mahathir berkata, pelaburan dibuat Metrod Holdings Berhad yang membuka satu lagi loji pembuatan di Bukit Raja, di sini, mencerminkan keyakinannya kepada pentadbiran negara.

Katanya, beliau dimaklumkan, ramai pelabur asing kini mempunyai lebih keyakinan terhadap Malaysia dan akan ada banyak pelaburan asing memasuki negara.

“Dengan ini (pembukaan loji baharu) sebagai model, saya yakin pelabur asing akan berminat untuk melabur di Malaysia kerana ini bukanlah satu pelaburan yang dibuat untuk beberapa hari, sebaliknya untuk jangka masa yang lama.

“Hanya dengan keyakinan dalam kestabilan negara dan kemeraan kerajaan, yang membolehkan pelaburan jangka masa panjang seperti yang dilakukan oleh Metrod Holdings Berhad,” katanya.